

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK WEE JECK SENG  
(TANJONG PIAI)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK WEE JECK SENG [ TANJONG PIAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Kementerian tidak mengenakan syarat untuk mewajibkan bank, pembekal kredit dan pemberi pinjaman wang untuk mengiklankan “*Annual Percentage Rate*” (APR) atau faedah benar yang dikenakan kepada peminjam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Garis Panduan Ketelusan dan Penzahiran Produk, institusi kewangan perlu memaklumkan kepada pelanggan mengenai kadar faedah yang dijangka akan dikenakan ke atas kemudahan pinjaman yang diberikan serta jenis kadar faedah yang akan dikenakan, sama ada

kadar tetap (*fixed rate*), kadar boleh ubah (*variable rate*) atau gabungan kedua-duanya. Dalam hal ini, institusi kewangan dikehendaki menzahirkan kadar pinjaman yang berkesan (*effective lending rate*) serta jumlah pembayaran balik (*total repayment amount*) bagi memudahkan perbandingan antara produk oleh pelanggan. Kadar pinjaman yang berkesan (*effective lending rate*) adalah faedah benar yang dikenakan kepada peminjam.

Di samping itu, institusi kewangan juga dikehendaki memaparkan kadar pinjaman berkesan untuk pinjaman perumahan standard di semua cawangan dan laman web. Pinjaman perumahan standard merujuk kepada pinjaman perumahan dengan jumlah pembiayaan sebanyak RM350,000 selama 30 tahun dan tidak mempunyai tempoh terkunci (*lock-in period*).

Bagi pembiayaan yang berdasarkan Kadar Asas (*Base Rate*, BR) atau Kadar Pinjaman Asas (*Base Lending Rate*, BLR), kedua-duanya akan dipamerkan di semua cawangan dan laman sesawang institusi kewangan tersebut.